

"Kempen Privilege Account Step-Up Interest UOB Malaysia"**TERMA DAN SYARAT**

United Overseas Bank (Malaysia) Bhd (No Pendaftaran Syarikat 199301017069 (271809-K)) ("UOB Malaysia") sedang menjalankan "Kempen Privilege Account Step-Up Interest UOB Malaysia" ("Kempen") dari 1 Mei 2023 sehingga 31 Julai 2023 (termasuk kedua-dua tarikh) atau tarikh(-tarikh) sedemikian yang mungkin ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa ("Tempoh Kempen").

Kelayakan Kempen

1. Kempen ini terbuka kepada pelanggan individu UOB Malaysia yang baru dan sedia ada yang memenuhi **SEMUA** syarat berikut:
 - (a) Berumur 21 tahun ke atas.
 - (b) Mempunyai UOB *Privilege Account* ("**Akaun Penyertaan**").
 - (c) Yang merupakan pemegang utama bagi Akaun Penyertaan (untuk pemegang akaun bersama).
 - (d) Dimana akaun(-akaun) yang dimiliki dengan UOB Malaysia adalah semasa, sah dan wujud seperti yang ditentukan oleh UOB Malaysia.
2. Kempen ini tidak layak bagi Pelanggan yang memenuhi **MANA-MANA** syarat berikut:
 - (a) Pelanggan *Private Banking* UOB Malaysia.
 - (b) Pekerja tetap dan kontrak UOB Malaysia (termasuk anak syarikat UOB dan syarikat berkaitan) ("**Pekerja**").
 - (c) Individu dimana Akaun Penyertaan dibuka bersama Pekerja.
 - (d) Pelanggan bukan individu UOB Malaysia.
 - (e) Individu yang tidak siuman atau menjadi tidak siuman, meninggal dunia, bankrap atau mempunyai prosiding undang-undang dalam sebarang bentuk yang dilaksanakan terhadap mereka.
 - (f) Dimana Akaun Penyertaan dicagarkan, dicaj atau diperuntukkan dibawah kemudahan pinjaman.

Kaedah Kempen

3. Pelanggan akan mendapat kadar keuntungan promosi sepertimana yang dinyatakan di Jadual A ("**Kadar Keuntungan Promosi**") sepanjang Tempoh Kempen, dengan syarat Pelanggan memenuhi Baki Purata Tambahan minimum sebanyak RM100,000 dalam Akaun Penyertaan sepanjang Tempoh Kempen (selepas ini dirujuk sebagai "**Pelanggan yang Layak**"). Baki Purata Tambahan maksimum yang layak untuk mendapat Kadar Keuntungan Promosi terhad pada jumlah maksimum RM1,500,000 bagi setiap Akaun Penyertaan sepanjang Tempoh Kempen.

Jadual A - Kadar Keuntungan Promosi

Kadar Keuntungan Promosi	Baki Purata Tambahan dalam Akaun Penyertaan (RM)	
	Minimum	Maksimum
3.00% setahun	RM100,000	RM1,500,000

4. Bulan Penyertaan untuk Kadar Keuntungan Promosi dalam Tempoh Kempen dinyatakan dalam Jadual B di bawah:

Jadual B – Bulan Penyertaan

Tarikh	Bulan Penyertaan
1 Mei 2023 – 31 Mei 2023	Mei
1 Jun 2023 – 30 Jun 2023	Jun
1 Julai 2023 – 31 Julai 2023	Julai

5. Jumlah Baki Purata Tambahan sepanjang Tempoh Kempen akan diukur berdasarkan baki purata Akaun Penyertaan yang dipegang dibawah nama Pelanggan yang Layak sebagai pegang akaun utama pada bulan April 2023 ("**Baseline**"). Bagi Akaun Penyertaan yang dibuka bermula dari bulan Mei 2023 dan seterusnya , Baseline adalah sifar. Untuk mengelakkan keraguan, Baki Purata Tambahan akan dikira berdasarkan formula seperti diterangkan dalam Jadual C di bawah:

Jadual C – Pengiraan Baki Purata Tambahan

Pengiraan	
Baseline	<u>Jumlah baki penutup harian pada bulan April 2023</u> 30 hari
Baki Purata Bulan Penyertaan	<u>Jumlah baki penutup harian untuk Bulan Penyertaan</u> Jumlah hari dalam Bulan Penyertaan ¹
Baki Purata Tambahan ("BPT")	Baki Purata Bulan Penyertaan – <i>Baseline</i>

¹ Sekiranya Akaun Penyertaan dibuka semasa Bulan Penyertaan, Baki Purata Bulan Penyertaan adalah jumlah baki penutup harian untuk Bulan Penyertaan dibahagikan dengan jumlah bilangan hari sejak Akaun Penyertaan dibuka.

6. Sekiranya terdapat apa-apa perubahan pada Overnight Policy Rate ("**OPR**") dan/atau *Kuala Lumpur Interbank Offer Rate ("KLIBOR")*, Kadar Keuntungan Promosi akan disemak sewajarnya ("**Semakan**"). Dalam hal ini, Pelanggan yang Layak akan dimaklumkan mengenai Semakan ini melalui penerbitan / notis yang disiarkan di laman web UOB Malaysia, notis yang memaparkan atau memaklumkan Semakan tersebut di mana-mana cawangan UOB Malaysia atau cara lain yang ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa.
7. Kadar Keuntungan Promosi merangkumi kadar keuntungan lazim untuk Akaun Penyertaan dan akan dikira berdasarkan Jadual A dan Jadual C di atas. Kadar keuntungan lazim untuk Akaun Penyertaan telah dinyatakan di laman www.uob.com.my.
8. Pengiraan Kadar Keuntungan Promosi adalah seperti diterangkan dalam Jadual D di bawah :

Jadual D – Kadar Keuntungan Promosi

Pengiraan	
Kadar Keuntungan Promosi	<u>BPT x Kadar Keuntungan Promosi x Jumlah hari dalam Bulan Penyertaan</u> 365 days

9. Ilustrasi mengenai pengiraan Kadar Keuntungan Promosi adalah seperti Jadual E. Kadar Keuntungan Promosi mungkin berbeza kerana ketepatan pembundaran dalam sistem UOB Malaysia:

Jadual E – Ilustrasi Kadar Keuntungan Promosi

Akaun Penyertaan	Apr-23	Mei-23	Jun-23	Jul-23	Jumlah
^{N1} Baseline	0				
Baki Purata Tambahan		200,000	500,000	500,000	
^{N2} Kadar Keuntungan Promosi (setahun)		3.00%	3.00%	3.00%	
^{N3} Jumlah Pembayaran Keuntungan (RM)		509.59	1,232.88	1,273.97	3,016.44

^{N1}Baseline adalah sifar pada bulan April 2023 sekiranya pelanggan membuka akaun tersebut pada bulan Mei 2023.

^{N2}Kadar Keuntungan Promosi merangkumi kadar keuntungan lazim untuk Akaun Penyertaan.

^{N3}Jumlah Pembayaran Keuntungan = [Baki Purata Tambahan dalam Bulan Penyertaan x Kadar Keuntungan Promosi x Jumlah hari dalam Bulan Penyertaan ÷ 365 hari].

Contoh untuk bulan Jun 2023: RM500,000 x 3.00% x 30 hari ÷ 365 hari = RM1,232.88

Untuk mengelakkan keraguan, Kadar Keuntungan Promosi merangkumi kadar keuntungan lazim untuk Akaun Penyertaan dan ditafsirkan selaras dengan Klausula (6). Berdasarkan Jadual E, dengan mengandaikan jumlah Aset Di Bawah Pengurusan pelanggan dengan UOB Malaysia dalam bulan Mei 2023 adalah RM800,000, pelanggan memperoleh kadar keuntungan lazim sebanyak 0.25% setahun dan pembayaran keuntungan tambahan akan menurut ilustrasi di bawah:

Kadar Keuntungan Lazim [A]	Kadar Keuntungan Promosi [B]	Pembayaran Keuntungan Tambahan [C]
0.25% setahun	3.00% setahun	= [B] – [A] = 2.75% setahun

- Pembayaran Keuntungan Tambahan (jika ada) akan dikreditkan setiap bulan ke dalam Akaun Penyertaan Pelanggan yang Layak dalam tempoh sembilan puluh (90) hari pada setiap akhir Bulan Penyertaan.
- Sekiranya Akaun Penyertaan ditangguhkan atau dibekukan atau ditutup selama Tempoh Kempen dengan alasan apa pun sebelum mengkreditkan Keuntungan Promosi atau Keuntungan Lazim ke dalam Akaun Penyertaan, UOB Malaysia berhak untuk membatalkan Keuntungan Promosi atau Keuntungan Lazim tanpa notis awal kepada Pelanggan yang Layak.
- Bagi tujuan Kempen ini, semua deposit mesti dibuat menggunakan Dana Baru. Istilah 'Dana Baru' bermaksud wang atau dana dalam Ringgit Malaysia dengan apa cara dipindahkan, dikreditkan, atau dibayar ke dalam Akaun Penyertaan Pelanggan yang Layak dari bank dan institusi kewangan lain melalui apa jua cara termasuk tetapi tidak terhad kepada wang tunai, pemindahan Giro Antara Bank, pemindahan wang segera diantara bank-bank serta pengutipan dan pembayaran cek yang dikeluarkan daripada bank lain dan di mana wang atau dana tersebut telah dibayar atau dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pelanggan yang Layak dan digunakan oleh Pelanggan yang Layak untuk melakukan penempatan menurut terma dan syarat di sini dalam tempoh tujuh (7) Hari Perniagaan selepas wang atau dana tersebut telah dibayar atau dikreditkan ke dalam Akaun Penyertaan Pelanggan yang Layak yang berkenaan. Istilah “Hari Perniagaan” bermakna hari di mana UOB Malaysia dan cawangannya dibuka untuk menjalankan perniagaan di Kuala Lumpur, Malaysia.
- Dana yang dipindah dari mana-mana akaun Simpanan/Semasa/Deposit Tetap/Mata Wang Asing UOB dan Citibank yang sedia ada, atau dalam bentuk cek, arahan juruwang atau draf permintaan UOB dan Citibank tidak akan dianggap sebagai Dana Baru.

Terma dan Syarat Am

14. Dengan menyertai Kempen ini, Pelanggan yang Layak bersetuju untuk diikat oleh terma dan syarat ini dan SEMUA Terma dan Syarat yang berikut jika berkenaan, termasuk tetapi tidak terhad kepada:
- a) Terma dan Syarat yang Mengawal Akaun dan Perkhidmatan (Perbankan Konvensional).
 - b) Terma dan Syarat Keahlian Wealth Banking.
 - c) Terma dan Syarat Keahlian Privilege Banking.

Terma dan syarat yang disenaraikan di atas hendaklah termasuk sebarang pindaan atau perubahan terhadapnya dan keputusan UOB Malaysia yang berkaitan dengan Kempen adalah muktamad dan mengikat Pelanggan yang Layak. Jika terdapat sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dengan Terma dan Syarat yang disenaraikan di atas, terma dan syarat ini akan diguna pakai.

15. Pelanggan perlu memperolehi penjelasan daripada pegawai yang diberi kuasa oleh UOB Malaysia jikalau pelanggan mempunyai sebarang keraguan mengenai terma dan syarat yang tidak memahami.
16. Melainkan dinyatakan secara khusus dalam terma dan syarat ini, Kempen ini tidak sah bersama dengan kempen, promosi yang ditawarkan oleh UOB Malaysia dan tidak ada kadar istimewa, tambahan keutamaan dan / atau hadiah yang akan diberikan kepada Pelanggan yang Layak sebagai tambahan kepada Kempen ini.
17. Rekod transaksi deposit yang dikekalkan oleh UOB Malaysia and keputusan UOB Malaysia dalam semua perkara (termasuk tetapi tidak terhad kepada sebarang pertikaian yang timbul daripadanya) yang berkaitan dengan Kempen ini adalah muktamad, konklusif dan mengikat Pelanggan yang Layak. UOB Malaysia tidak berkewajipan untuk memberikan alasan atau melayan surat-menyurat dengan sebarang orang atau mana-mana pihak mengenai perkara yang berkaitan dengan Kempen ini.
18. Setakat yang dibenarkan oleh undang-undang, kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku kasar UOB Malaysia, UOB Malaysia secara tegas mengecualikan dan menolak sebarang pernyataan, jaminan atau sokongan, tersurat atau tersirat, bertulis atau lisan, tanpa batasan kepada yang diterbitkan di mana-mana media massa, pemasaran atau bahan iklan, termasuk tetapi tidak terhad kepada , sebarang jaminan kualiti, kebolehdagangan atau kesesuaian untuk tujuan tertentu berkenaan dengan Kempen ini.
19. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab untuk sebarang salah tafsir atau salah nyata fakta oleh mana-mana pihak ketiga yang tidak dilantik berkenaan dengan Kempen yang ditawarkan dan di mana yang diterbitkan dalam mana-mana media, bahan pemasaran atau pengiklanan.
20. UOB Malaysia tidak akan bertanggungjawab dan tidak menerima sebarang liabiliti dalam apa-apa bentuk dan bagaimana sekalipun timbul atau dialami oleh Pelanggan yang Layak atau mana-mana pihak ketiga yang diakibatkan secara langsung atau tidak langsung oleh Kempen ini kecuali disebabkan oleh kecuaiian atau salah laku kasar UOB Malaysia yang berkaitan dengan Kempen ini.
21. Jika terdapat sebarang percanggahan di antara terma dan syarat ini dan sebarang pengiklanan, kempen, publisiti dan bahan lain berkaitan dengan atau berhubung dengan Kempen ini, terma dan syarat ini akan digunapakai.
22. Deposit yang ditempatkan dengan UOB Malaysia adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") setakat RM250,000 bagi setiap pendeposit. Pelanggan yang Layak

boleh mendapatkan salinan brosur PIDM dari mana-mana cawangan UOB Malaysia. UOB Malaysia adalah ahli PIDM.

23. UOB Malaysia berhak untuk membatalkan, menarik balik, menggantung, melanjutkan atau menamatkan Kempen ini sebelum tarikh akhir Tempoh Kempen, secara keseluruhan atau sebahagian, pada bila-bila masa dengan pemberian notis terlebih dahulu. Bagi mengelakkan keraguan, pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan Kempen ini oleh UOB Malaysia tidak memberikan hak kepada Pelanggan yang Layak untuk melakukan sebarang tuntutan atau pampasan terhadap UOB Malaysia untuk sebarang dan semua kerugian atau ganti rugi yang dialami atau ditanggung oleh Pelanggan yang Layak sama ada diakibatkan secara langsung atau tidak langsung daripada pembatalan, penarikan balik, penggantungan, perlanjutan atau penamatan sedemikian.
24. UOB Malaysia berhak untuk menambah, membatalkan, menamatkan atau mengubah terma dan syarat Kempen dari semasa ke semasa, sepenuhnya atau sebahagian dengan memberikan notis terlebih dahulu kepada Pelanggan yang Layak melalui pengeposan di laman web UOB Malaysia, mempamerkan notis di mana-mana cawangan UOB Malaysia dan / atau mempamerkan di dalam Penyata Akaun atau cara lain seperti yang ditentukan oleh UOB Malaysia dari semasa ke semasa.
25. Terma dan Syarat ini akan ditadbir oleh dan ditafsirkan menurut undang-undang Malaysia dan Pelanggan yang Layak bersetuju untuk menyerahkan kepada bidang kuasa tidak eksklusif mahkamah Malaysia.

[TAMAT]